

Pengeluaran sawit diramal tak pulih

Kurang pekerja, harga baja tinggi terus cetus masalah

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Pengeluaran sawit di Malaysia dijangka tidak pulih sepenuhnya kerana masih berdepan kekurangan tenaga pekerja, selain harga baja tinggi.

Penganalisis Hong Leong Investment Bank (HLIB) Research, Chye Wen Fei, berkata buat masa sekarang, belum dapat dipastikan pekerja asing akan tiba di Malaysia tepat pada waktu diperlukan iaitu semasa kitaran musim kemuncak pengeluaran.

“Jika mereka berada di sini sekali pun, jumlah ketibaan pekerja asing mungkin tidak mencukupi,” katanya dalam satu nota penyelidikan, semalam.

Beliau menambah, kekura-

ngan baja dan harga tinggi pula mungkin menyebabkan penggunaannya yang rendah, terutama dalam kalangan pekebun kecil yang merangkumi 40 peratus daripada kawasan tanaman sawit di Malaysia.

Pada masa sama, katanya beberapa peramal cuaca termasuk Biro Meteorologi Australia (BOM), Jabatan Atmosfera dan Lautan Negara (NOAA) serta Pusat Ramalan Iklim Amerika Syarikat (CPC) baru-baru ini memberi petunjuk bahawa La Nina berkemungkinan besar kembali pada September atau Oktober ini.

“La Nina mungkin menjejaskan pengeluaran sawit kerana bertembung dengan musim kitaran pengeluaran.

“Ia juga akan menjejaskan penanaman kacang soya di Amerika Selatan, terutama Brazil yang merangkumi kira-kira 36 peratus pengeluaran kacang soya dunia pada 2021.

“Selain impak kepada pengeluaran, kami mengambil maklum bahawa harga minyak sawit mentah (MSM) serta kacang so-

ya cenderung untuk mengukuh ketika La Nina berlaku dan menjadi lemah apabila cuaca kembali tenang,” katanya.

Wen Fei berkata, HLIB Research maklum harga MSM diskaun kepada minyak kacang soya baru-baru ini meningkat kepada AS\$400 satu tan.

“Ini mungkin meningkatkan minat belian, terutama apabila jurang lebar harga antara kedua-duanya kekal dalam tempoh lebih lama dan paras inventori kekal rendah dalam kalangan negara-negara pengguna utama.

“Kami mengekalkan anggaran harga MSM bagi 2022, 2023 dan 2024 masing-masing pada RM5,500, RM4,500 dan RM4,500 satu tan,” katanya.

Kontrak niaga hadapan minyak sawit mentah (MSM) di Bursa Malaysia Derivatives mengakhiri penyusutan selama enam hari berturut-turut kelmarin apabila ditutup lebih tinggi susulan aktiviti pembeliannya.

Kontrak bulan penanda aras ditutup pada paras terendah dalam tempoh enam bulan pada Rabu, diasak oleh asas pasaran



Kekurangan baja dan harga tinggi mungkin menyebabkan penggunaannya yang rendah, terutama dalam kalangan pekebun kecil.

(Foto hiasan)

kurang memberangsangkan termasuk harga minyak kacang soya rendah, jangkakan peningkatan bekalan serta angka eksport lebih suram bagi tempoh 1 hingga 20 Jun.

Sewaktu ditutup, kontrak niaga hadapan MSM bagi bulan semasa Julai 2022 naik RM180 kepada RM4,870 satu tan, Ogos

2022 menokok RM234 kepada RM4,800 satu tan, kontrak bulan penanda aras September 2022 melonjak RM245 kepada RM4,744 satu tan dan Oktober 2022 meningkat RM262 kepada RM4,731 satu tan.

Harga fizikal MSM bagi Julai Selatan tidak berubah pada RM5,000 satu tan.